



# **KOD ETIKA PERNIAGAAN**

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

---

---

# ISI KANDUNGAN

---

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Pengenalan	1
Objektif	1
Definisi	2
Skop	5
Penguatkuasaan	6
Pematuhan Undang-Undang	6
Komitmen Kepada Integriti	7
Warga Kerja	7
Rakan Niaga	8
Kerajaan Dan Masyarakat	9
Hadiah, Hiburan Dan Keraian	9
Konflik Kepentingan	10
Aset Dan Integriti Kewangan	11
Komunikasi Dan Kerahsiaan	12
Kewajipan Pendedahan	13
Perlindungan Data Peribadi	13
Penutup	14

# PERUTUSAN

---

## **YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor**

Ketua Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia

Assalamualaikum w.b.t.,  
Salam Sejahtera dan Salam Integriti.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, buku Kod Etika Perniagaan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dapat dihasilkan. Penyediaan Kod Etika Perniagaan ini merupakan satu usaha IKMa bagi menambah baik pelaksanaan tadbir urus dan integriti di IKMa selaras dengan hasrat menjadikan IKMa dikenali dan disegani kerana integritinya.

Untuk muncul sebagai sebuah pusat kecemerlangan pembangunan modal insan koperasi yang unggul, IKMa perlu beroperasi dengan *standard* etika yang tinggi serta menjunjung integriti dan tatakelola yang baik. Amalan yang dilaksanakan mestilah berpandukan polisi serta prosedur-prosedur Jabatan dan keputusan yang dibuat perlu selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa. Kod Etika Perniagaan ini digubal bertujuan untuk menggariskan kelakuan yang boleh diterima pakai oleh seluruh warga kerja IKMa dalam melaksanakan urusan operasi dan pembangunan modal insan koperasi. Justeru, kewujudan Kod Etika Perniagaan ini penting bagi menyokong dan memandu usaha ke arah mengenal pasti dan menyelesaikan isu etika dan integriti yang berpotensi dihadapi semasa menjalankan pengoperasian dan pentadbiran IKMa.

Semua warga kerja IKMa adalah tertakluk kepada Kod Etika Perniagaan ini dan perlu mengetahui, memahami dan mematuhi semua undang-undang yang dikuatkuasakan serta dapat menghayati dan menjelmakan Kod Etika Perniagaan ini dalam penyampaian perkhidmatan IKMa.

“ Untuk muncul sebagai sebuah pusat kecemerlangan pembangunan modal insan koperasi yang unggul, IKMa perlu beroperasi dengan standard etika yang tinggi serta menjunjung integriti dan tatakelola yang baik.

”

**YBhg.Datuk Mohd Ali bin Mansor**  
Ketua Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia



# 1. Pengenalan

---

- 1.1. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sebagai sebuah pusat kecemerlangan pembangunan modal insan koperasi yang unggul menjadi pemangkin kepada transformasi koperasi Malaysia melalui pendidikan dan latihan serta intervensi yang inovatif. Ke arah mencapai matlamat ini, IKMa sentiasa meletakkan integriti yang tinggi dan tadbir urus terbaik sebagai teras utama dalam semua urusan operasinya. Amalan yang dilaksanakan mestilah berpandukan dasar, polisi, garis panduan serta prosedur-prosedur IKMa dan keputusan yang dibuat perlu selaras dengan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.
- 1.2. IKMa percaya bahawa urus tadbir yang telus dan berintegriti akan mewujudkan kesetiaan dan kepercayaan semua pihak berkepentingan.

# 2. Objektif

---

- 2.1. Kod Etika Perniagaan ini adalah penegasan komitmen IKMa dalam menegakkan amalan perniagaan yang beretika dan berintegriti.
- 2.2. Kod Etika Perniagaan ini adalah panduan yang menggariskan kelakuan yang boleh diterima dan kelakuan yang tidak boleh diterima oleh perspektif undang-undang dan etika dalam menjalankan urusan perniagaan IKMa.
- 2.3. Kewujudan Kod Etika Perniagaan ini adalah penting dalam membantu IKMa mengenalpasti dan menguruskan isu-isu etika serta memupuk budaya integriti tinggi yang telah digariskan selaras dengan visi dan misi IKMa.

### 3. Definisi

---

3.1 Definisi terma yang diguna pakai di dalam Kod Etika Perniagaan ini membawa maksud seperti berikut:

#### **Lembaga Pengarah**

Badan berkanun itu sendiri atau, jika undang-undang pemerbadanannya mengadakan peruntukan bagi satu lembaga, majlis atau jawatankuasa yang berasingan, walau dengan apa nama pun disebut, untuk menjalankan fungsi-fungsi badan berkanun itu dan untuk menjaga pengurusan dan pentadbiran am badan berkanun itu, lembaga, majlis atau jawatankuasa itu.

#### **Warga Kerja**

Seseorang yang diambil berkerja secara tetap, sementara atau kontrak oleh sesuatu badan berkanun, dan dibayar emolumen oleh badan berkanun itu, dan termasuklah seseorang yang dipinjamkan kemana-mana perbadanan subsidiari atau syarikat badan berkanun itu atau mana-mana badan berkanun yang lain atau kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan mana-mana Negeri atau mana-mana syarikat yang dalamnya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri mempunyai kepentingan.

#### **Pihak Berkepentingan dalam IKMa**

Pihak Berkepentingan IKMa termasuk warga kerja IKMa, Lembaga Pengarah IKMa, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), agensi di bawah KUSKOP, agensi yang menguruskan koperasi, koperasi diseluruh Malaysia, Pertubuhan Koperasi dan Antarabangsa (JICA, ICA).

<b>Kod Etika</b>	Merujuk kepada Kod Etika Perniagaan IKMa.
<b>Etika</b>	Merujuk piawaian tatakelakuan yang menunjukkan cara berkelakuan dengan betul berdasarkan kewajiban moral dan kebaikan yang terbit daripada prinsip mengenai mana yang betul dan yang salah. Etika melibatkan dua aspek iaitu kebolehan untuk membezakan perkara yang betul daripada yang salah dan komitmen untuk melakukan perkara yang betul.
<b>Rakan Niaga</b>	Syarikat perniagaan dan koperasi termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, kontraktor, juru perunding / konsultan, atau mana-mana pihak yang mempunyai urusan perniagaan atau perkhidmatan dengan IKMa.
<b>Saudara</b>	Perhubungan seseorang merangkumi: (a) Isteri atau suami orang itu (b) Adik atau abang atau kakak orang itu (c) Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu (d) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu (e) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu (f) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan 'b' (g) Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu (h) Menantu orang itu

<b>Sekutu</b>	Tafsiran Sekutu adalah seperti maksud di bawah Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
<b>Konflik Kepentingan</b>	Konflik antara kepentingan peribadi seseorang dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi pelaksanaan tugas beliau secara salah.
<b>Maklumat Proprietari</b>	Maklumat yang dimiliki oleh seseorang atau entiti berhubung dengan kemahiran, rahsia perdagangan atau apa jua maklumat lain, sama ada dalam format bercetak atau elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak harta intelektual, maklumat teknikal, proses perniagaan, ramalan perniagaan, strategi pemasaran, senarai pelanggan atau maklumat bakal pelanggan, rekod kewangan atau operasi yang dianggap sebagai rahsia dan dipunyai serta dimiliki oleh IKMa. Ini termasuk juga maklumat yang terkandung di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi.

## 4. Skop

---

- 4.1. Kod Etika ini terpakai kepada semua warga kerja IKMa dan Anggota Lembaga Pengarah IKMa.
- 4.2. Semua warga kerja perlu mematuhi prinsip-prinsip dan keperluan yang terkandung di dalam Kod Etika ini dan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa individu lain atau kumpulan yang menjalankan perniagaan bagi pihak IKMa termasuk pembekal, kontraktor, ejen, perunding dan rakan niaga yang lain berbuat demikian.
- 4.3 Kod Etika ini hendaklah dibaca bersama dengan Kod Etika IKMa dan Panduan Mengurus Dan Melaporkan Tindakan Tatatertib IKMa serta mana-mana polisi, peraturan, garis panduan dan prosedur IKMa serta undang-undang di Malaysia.
- 4.4 Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa mekanisme polisi dan prosedur penerimaan dan pemberian hadiah yang dibuat oleh pihak berkepentingan dalam IKMa hanya boleh bertindak sebagai tambahan kepada Kod Etika ini, dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan, Kod Etika ini akan diguna pakai.
- 4.5 Apa-apa terma, peruntukan atau janji dalam Kod Etika ini yang tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan hendaklah menjadi tidak efektif setakat mana ia menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuat kuasakan tanpa membatalkan peruntukan-peruntukan Kod Etika ini.

## 5. Penguatkuasaan

---

- 5.1. Kod Etika ini berkuatkuasa pada tarikh ia diluluskan.
- 5.2. Unit Integriti bertanggungjawab untuk menyemak dan mengemaskini Kod Etika ini sekurang-kurangnya sekali setiap dua (2) tahun agar tetap relevan. Mana-mana pindaan yang dicadangkan di masa hadapan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Integriti dan Tindakan Aduan (JITA) untuk persetujuan dan seterusnya dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah IKMa untuk kelulusan.
- 5.3. Kod Etika ini hendaklah disebarikan kepada semua warga kerja, Ahli Lembaga Pengarah IKMa dan pihak berkepentingan dalam IKMa serta dimuat naik di dalam portal rasmi IKMa ([www.ikma.edu.my](http://www.ikma.edu.my)).

## 6. Pematuhan Undang-Undang

---

- 6.1 Ahli Lembaga Pengarah IKMa dan warga kerja IKMa hendaklah mematuhi peruntukan, peraturan dan undang-undang di Malaysia.
- 6.2 Warga kerja IKMa mestilah mengetahui secukupnya peruntukan, peraturan dan undang-undang tempatan, Negeri dan Negara dan tidak perlu mengetahui secara terperinci.
- 6.3 Sekiranya terdapat undang-undang yang bercanggah dengan dasar tertentu di dalam Kod Etika ini, maka undang-undang tersebut diberi keutamaan.

## 7. Komitmen Kepada Integriti

---

Kod Etika ini merupakan asas kepada komitmen warga kerja IKMa terhadap integriti. Di mana sahaja dan dengan apa jua keadaan pengoperasian, IKMa akan mematuhi:

- i. Semua keperluan yang tertakluk kepada undang-undang dan arahan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- ii. Piawaian etika yang telah ditetapkan di dalam kod etika ini.

## 8. Warga Kerja

---

IKMa berusaha untuk menyediakan ruang kerja yang kondusif, selamat, profesional, rakan sekerja yang menyokong semangat berpasukan dan amanah. Setiap individu yang berkhidmat di IKMa menyumbang kepada kejayaan IKMa dalam mencapai visi keramat IKMa sebagai **Peneraju Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Koperasi Yang Unggul**. Dengan kepelbagaian bakat, minda dan perspektif, IKMa bakal mengilhamkan peluang yang lebih kreatif dan inovatif, selain merangsang peluang baharu dalam pengurusan, penyampaian perkhidmatan dan pendidikan modal insan koperasi.

IKMa sentiasa komited untuk mewujudkan persekitaran yang tidak mendiskriminasi warga kerjanya dan rakan perniagaan atas dasar jantina, umur, bangsa, agama serta budaya. IKMa juga akan memberikan kerjasama dan perhatian terhadap kesatuan warga kerja serta mewujudkan forum yang sesuai kepada wakil setiap kumpulan melalui Majlis Bersama Jabatan (MBJ) untuk menzahirkan hasrat dan ketidakpuasan hati mereka dalam ruang lingkup berlandaskan perundangan dan peraturan yang sesuai.

## 8.1 Tanggungjawab

Warga kerja IKMa dikehendaki memahami Kod Etika ini dan mematuhi di mana sahaja berada pada setiap masa. Semua warga kerja hendaklah bertanggungjawab untuk:

- i. Memahami sepenuhnya Kod Etika ini dan mengetahui cara mengaksesnya, serta menerapkannya
- ii. Mengikuti peruntukan dan semangat undang-undang yang terpakai, peraturan, semua polisi, garis panduan, serta prosedur di IKMa
- iii. Membangkitkan soalan dengan segera jika ragu-ragu atau tidak pasti
- iv. Bersuara jika terdapat pelanggaran Kod Etika ini, atau aktiviti atau tingkah laku yang berpotensi melanggar Kod Etika ini
- v. Bekerjasama dengan penyiasat dan pihak berkuasa.

# 9. Rakan Niaga

---

IKMa yakin bahawa hubungan perniagaan yang dibina berasaskan kepercayaan, tahap profesionalisme yang tinggi dan kepentingan bersama, bakal menjelmakan manfaat dan kebaikan kepada kedua-dua pihak. Usaha akan dipertingkatkan lagi bagi mewujudkan kepentingan bersama dengan memahami segala keperluan pelanggan, koperasi, kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan IKMa dengan penuh amanah, tanggungjawab, telus serta adil.

Kejayaan dalam menerajui kecemerlangan yang berterusan terutamanya dalam sektor pembinaan modal insan koperasi bergantung kepada persaingan agresif dan kompetitif, secara adil dan mematuhi undang-undang sepenuhnya.

## 10. Kerajaan dan Masyarakat

---

IKMa berazam bahawa sektor koperasi dan masyarakat perlu mendapat manfaat daripada kehadiran IKMa, melalui pembangunan modal insan koperasi, kemahiran yang dibangunkan dalam kalangan masyarakat umum dan pelaburan masa dan wang IKMa dalam aktiviti komuniti dan khidmat sosial korporat (CSR).

IKMa tidak akan terlibat dalam rasuah atau penyelewengan dalam apa jua bentuk. Rasuah adalah gejala yang merencat pembangunan dan kemajuan manusia, dan IKMa komited kepada ketelusan dalam semua urusan IKMa.

IKMa akan melibatkan diri dengan semua entiti Kerajaan di dalam bidang kuasa IKMa beroperasi. IKMa tidak akan mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti politik termasuk khidmat sosial korporat (CSR) berunsurkan politik dan tidak akan membuat sebarang sumbangan politik di mana-mana lokasi.

## 11. Hadiah, Hiburan Dan Keraian

---

IKMa menggariskan polisi yang ketat berkaitan unsur penerimaan yang berbentuk hadiah dan hiburan, khusus kepada semua warga kerja IKMa dalam apa-apa jua situasi. IKMa mematuhi dasar “Polisi Tiada Hadiah” untuk semua peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa serta selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605). Dalam situasi perniagaan lain, kod peraturan ditetapkan untuk tiada sebarang unsur pemberian hadiah dan turut menetapkan nilai nominal untuk sesetengah majlis pemberian hadiah mengikut budaya tempatan. Pertukaran hadiah dan hiburan boleh membina muhibah dalam hubungan perniagaan, walau bagaimanapun sesetengah hadiah dan hiburan boleh mewujudkan pengaruh yang tidak wajar, malahan boleh ditafsirkan sebagai rasuah yang akan merosakkan reputasi IKMa akibat pelanggaran undang-undang dan peraturan berkaitan.

## 12. Konflik Kepentingan

---

IKMa amat menghormati privasi warga kerjanya. Oleh hal yang demikian, IKMa mengambil pendekatan untuk memberikan ruang kepada hal-hal peribadi warga kerjanya. Walau bagaimanapun, aktiviti yang berkait dengan elemen sosial, kewangan dan politik warga kerjanya, yang berpotensi mengganggu kesetiaan dan fokus terhadap bidang tugas di IKMa selain mewujudkan konflik kepentingan, harus diselesaikan dengan berkesan. Kemunculan konflik kepentingan akan membahayakan banyak pihak dan wujud dalam pelbagai cara. Berikut merupakan sebahagian contoh yang berkait dengan pekerjaan dan hubungan di luar yang boleh menimbulkan konflik kepentingan:

- 12.1. **Pekerjaan kedua;**
- 12.2. **Berkhidmat sebagai pengarah dan perunding di syarikat milikan IKMa atau syarikat lain;**
- 12.3. **Menjaga kepentingan kewangan (sama ada secara langsung atau melalui pasangan atau saudara terdekat);**
- 12.4. **Menggunakan kedudukan rasmi untuk mengembangkan kemajuan kerjaya saudara dan sekutu di IKMa.**
- 12.5. **Menyalurkan apa-apa maklumat terperinci berkaitan IKMa dengan tanpa kebenaran Pengurusan Tertinggi yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi IKMa.**
- 12.6. **Penglibatan warga kerja dalam perniagaan yang mempunyai kepentingan dengan keluarga warga kerja IKMa:**
  - 12.6.1. Penyalahgunaan kuasa oleh warga kerja yang melibatkan percanggahan kepentingan berhubung penglibatan keluarga dan sekutu dalam pemilihan perkhidmatan, pemilihan syarikat pembekal, perunding atau pembinaan adalah dilarang.

## 12.7. Urusniaga Peribadi dengan Rakan Perniagaan IKMa:

- 12.7.1. Sebarang urusniaga dengan pelanggan, pembekal atau vendor IKMa, yang mana mereka mempunyai urusan rasmi dengan pihak IKMa secara langsung atau tidak langsung adalah dilarang;
- 12.7.2. Memegang jawatan dalam organisasi yang mempunyai urusan perniagaan dengan IKMa atau syarikat Kumpulan IKMa (termasuk pesaing, pelanggan atau pembekal, atau perniagaan anda sendiri atau keluarga) jika berada dalam kedudukan untuk mempengaruhi transaksi atau jika hubungan itu sendiri mewujudkan konflik kepentingan.

Mana-mana yang di atas berkaitan dengan syarikat, koperasi, pelanggan atau pengedar barangan dan perkhidmatan untuk IKMa berkemungkinan menimbulkan konflik kepentingan, atau kemunculan konflik kepentingan. Justeru, deklarasi sendiri konflik kepentingan hendaklah dilakukan bagi mengelakkan keputusan yang tidak wajar atau berat sebelah dalam perihal IKMa seperti hal-hal berkaitan perolehan, tata tertib, kewangan, aset, pengurusan projek, pengurusan sumber manusia dan lain-lain.

## 13. Aset Dan Integriti Kewangan

---

IKMa mempunyai tanggungjawab dan kewajipan yang sah untuk melindungi aset fizikal, harta intelektual dan aset kewangan sendiri. IKMa beriltizam untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa termasuk *Generally Accepted Accounting Principles* (GAAP) dalam setiap bidang kuasa ketika IKMa beroperasi. IKMa juga akan sentiasa berterus terang dan telus mengenai operasi dan prestasi IKMa, tepat dalam rekod laporan, data dan keputusan serta berhati-hati dalam penggunaan aset dan sumber Kerajaan. Malahan, dokumen dan rekod terperingkat Kerajaan turut akan disimpan mengikut lunas undang-undang yang ditetapkan.

# 14. Komunikasi Dan Kerahsiaan

---

## 14.1. Maklumat Sulit dan Terperingkat

14.1.1 Pendedahan maklumat terperingkat berkaitan IKMa adalah dilarang dengan apa cara sekalipun yang mana akan memudaratkan reputasi, imej dan prestasi IKMa.

14.1.2 Oleh itu, warga kerja atau pihak lain yang mempunyai akses kepada maklumat terperingkat berkaitan IKMa adalah bertanggungjawab dalam memastikan semua maklumat terperingkat tersebut selamat.

14.1.3 Warga kerja dilarang daripada memindah, menyebarkan atau mendedahkan apa-apa maklumat terperingkat berkaitan IKMa kepada pihak yang tidak berkaitan semasa atau selepas tamat perkhidmatan di IKMa, melainkan jika pendedahan tersebut dibenarkan oleh IKMa atau maklumat tersebut dikehendaki oleh undang-undang dan mahkamah.

14.1.4 Mana-mana warga kerja yang melanggar prinsip ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib dan undang-undang.

## 14.2. Penerbitan

Mana-mana penerbitan buku, jurnal, majalah, akhbar atau penerbitan secara digital atau elektronik lain yang berkaitan dengan maklumat terperingkat IKMa oleh warga kerja adalah dilarang kecuali diberi kuasa oleh IKMa untuk berbuat demikian.

### 14.3. Membuat Kenyataan Awam di Media Massa atau Lain-Lain Platform Digital

Komunikasi luar bersama pihak media memerlukan pertimbangan yang teliti dan memerlukan pemahaman yang unik berhubung isu undang-undang dan media. Hanya warga kerja khusus yang diberikan kuasa boleh menjawab kepada pertanyaan daripada pihak media dan membuat kenyataan awam atau komen bagi pihak IKMa. IKMa tidak terikat dengan pandangan peribadi warga kerjanya melalui media massa, media dalam talian dan media sosial rasmi kecuali kenyataan daripada Pegawai IKMa yang diberikan kuasa.

## 15. Kewajiban Pendedahan

---

- 15.1. Jika warga kerja mendapati atau mengesyaki terdapat warga kerja lain melakukan atau cuba untuk melakukan apa-apa kelakuan yang tidak beretika dan melanggar Kod Etika ini, hendaklah membuat aduan secara suci hati kepada Unit Integriti. Aduan-aduan yang telah dibuat oleh warga kerja akan dirahsiakan dan identiti mereka akan disimpan tanpa nama seperti di dalam Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat IKMa.
- 15.2. IKMa melarang sebarang tindakan terhadap mana-mana warga kerja yang melaporkan kelakuan yang tidak beretika tersebut dengan niat yang baik dan suci hati.
- 15.3. Tiada tindakan yang akan diambil terhadap mana-mana warga kerja yang membuat laporan mengenai perlakuan tidak beretika.

## 16. Perlindungan Data Peribadi

---

Privasi dan data peribadi Ahli Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan dan warga IKMa, rakan perniagaan dan pelanggan adalah dihormati dan dihargai. Hanya mereka dengan kebenaran boleh mengakses rekod yang berkaitan dan hanya boleh melakukannya bagi tujuan yang sah di sisi undang-undang dan tujuan urusan sahaja.

Data peribadi perlu dirahsiakan dan dilindungi, melainkan akses dibenarkan bagi tujuan tertentu. Langkah-langkah wajar perlu diambil jika warga kerja IKMa mengendalikan data peribadi, ia mestilah menurut undang-undang dalam pengumpulan, pemprosesan, pendedahan, integriti, pencapaian, penyimpanan serta menjaga keselamatan dan keutuhan data itu.

Dalam menguruskan maklumat pelanggan, IKMa telah menetapkan prosedur berikut untuk menjaga kerahsiaan rekod dan maklumat pelanggan:

- i. Sebarang maklumat pelanggan tidak boleh didedahkan kepada pihak ketiga atau orang yang tidak diberi kuasa, melainkan pelanggan tersebut telah memberi keizinan terlebih dahulu ataupun wujud keperluan undang-undang atau peraturan untuk mendedahkan maklumat itu.
- ii. Maklumat Sulit berkenaan pelanggan boleh diberikan kepada pihak ketiga hanya dengan persetujuan bertulis terlebih dahulu oleh pelanggan tersebut atau bila mana pendedahan dikuatkuasakan di bawah undang-undang dan peraturan negara tertentu untuk dibuat kepada pihak berkuasa yang menyiasat suatu kesalahan yang diperuntukkan oleh undang-undang tertentu, peraturan dan pendedahan lain yang dibenarkan.

## 17. Penutup

---

- i. Warga IKMa perlulah sentiasa mempunyai tahap integriti yang tinggi demi memastikan imej IKMa sentiasa terpelihara.
- ii. Semua Pengarah Kanan, Pengarah Pusat/ Zon/ Cawangan atau Ketua Unit perlu bertanggungjawab untuk memastikan warga kerja seliaan mereka mematuhi peraturan ini.
- iii. Kod Etika ini perlu dibaca bersama Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Kod Etika IKMa, Dasar Perlindungan Pemberi Maklumat IKMa, Polisi Konflik Kepentingan IKMa, Polisi Antirasuah IKMa serta lain-lain peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.

**UNIT INTEGRITI**  
**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya  
Selangor, Malaysia  
Tel: 03-7964 9161 / 9160 / 9168

-  [ikma@ikma.edu.my](mailto:ikma@ikma.edu.my)
-  [Institut Koperasi Malaysia](#)
-  [institut\\_koperasi\\_malaysia](#)
-  [Inst\\_Koperasi](#)
-  [InstitutKoperasiMalaysia](#)
-  [Institut Koperasi Malaysia](#)

*Pencetus Minda Koperasi Negara*